

Pandangan Pelajar terhadap Program Intergenerasi untuk Warga Emas

Student's Perception on the Intergenerational Programs for the Elderly

Ngu Kee Shing^{a*}, Saedah Siraj^b, Norlidah Alias^b

^a Sekolah Sukan Bukit Jalil, 57000, Kuala Lumpur Malaysia

^b Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur Malaysia

Editor:

Priyalatha Govindasamy
Nor Junainah binti Mohd Isa

Anonymous Reviewers:

Dua orang

Abstrak

Program Intergenerasi digunakan sebagai usaha untuk mengurangkan masalah jurang antara generasi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui pendapat pelajar terhadap Program Intergenerasi yang telah dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di negeri Selangor. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang pelajar tingkatan dua dan 6 orang warga emas yang dipilih secara rawak. Soalan temubual bagi kajian ini disediakan oleh penyelidik dan kemudian dikesahkan oleh tiga orang pakar sebelum digunakan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan para pelajar berpuas hati terhadap lokasi yang dipilih, masa yang diperuntukkan untuk program serta aktiviti dalam program tersebut. Mereka juga mempunyai pandangan yang positif terhadap warga emas. Kajian ini membuktikan bahawa Program Intergenerasi memberikan faedah kepada para pelajar untuk lebih mengenali warga emas. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan dari segi jenis aktiviti, lokasi dan masa yang bersesuaian untuk perancangan program pada masa akan datang.

Kata Kunci: Program Intergenerasi; warga emas; pelajar sekolah

Abstract

Intergenerational programs are used as an effort to reduce the problem of intergenerational gaps. The purpose of this study is to find out the opinion of students on the Intergeneration Program that has been implemented in a secondary school in the state of Selangor. The study sample consisted of 10 form two students and 6 senior citizens who were randomly selected. The interview questions for this study were prepared by the researchers and then verified by three experts before being used. Overall, the findings showed that the students were satisfied with the chosen location, allocated time for the program as well as activities in the program. They also have a positive view on senior citizens. This study proves that the Intergeneration Program provides benefits to students to get to know senior citizens better. In addition, this study can also be used as a reference in terms of the type of activity, location and time that are suitable for future program planning.


Keywords: Intergenerational program; senior citizens; school students

1. Pengenalan

Di Malaysia, peratus warga tua yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat dengan drastik sejak kebelakangan ini. Berdasarkan Jadual 1, peratusan warga emas bagi jumlah penduduk di Malaysia telah meningkat daripada 5.96 peratus pada tahun 2010 kepada 7.00 peratus pada tahun 2020. Kategori remaja juga menyaksikan trend peningkatan dari sebanyak 20.16 peratus pada tahun 2010 kepada 23.30 peratus pada tahun 2020 (Jabatan perangkaan Malaysia, 2020). Peningkatan bilangan warga emas dan golongan remaja ini telah membawa kepada beberapa masalah seperti masalah pembahagian

sumber dan juga masalah kurangnya komunikasi dan interaksi antara generasi tersebut.

Masyarakat pada zaman sekarang cenderung untuk tidak melibatkan warga emas dalam sebarang aktiviti. Warga emas dipandang sebagai golongan yang tidak cekap, tidak produktif, konservatif, pesimis serta pemaarah. Bahkan, kajian terdahulu menunjukkan warga emas adalah tidak kompeten dan mereka diletakkan dalam satu kelompok status yang rendah (Ezrol, 2012). Sumbangan, kepakaran, kemahiran serta pengalaman warga emas tidak lagi dihargai terutama oleh generasi muda.

*  : keeshing25@gmail.com.my

Jadual 1. Bilangan remaja dan warga emas bagi tahun 2010 dan 2020

| Tahun | 2010 | | 2020 | |
|----------------------------------|----------|----------|----------|----------|
| | Generasi | Bilangan | Peratus | Bilangan |
| 1. Remaja (10-14 tahun) | 7,432.0 | 20.16 | 7.6 juta | 23.30 |
| 2. Warga emas (65 tahun ke atas) | 864.2 | 5.96 | 2.3 juta | 7.00 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Keadaan yang sama telah berlaku di Malaysia. Perubahan dalam struktur keluarga dan masalah geografi telah menghalang warga emas dan muda untuk berinteraksi (Alavi, 2012). Isu tersebut mencetuskan satu keperluan untuk membangunkan Program Intergenerasi bagi menampung keperluan warga emas dan golongan muda. Program Intergenerasi adalah satu program yang dianjurkan untuk memupuk interaksi antara generasi muda dengan warga emas melalui perkongsian ilmu (Ngu *et al.*, 2020). Warga emas yang masih sihat, berkemahiran dan berpengalaman seharusnya diberi peluang untuk menunjukkan bahawa mereka masih boleh memberikan sumbangan secara aktif kepada masyarakat khususnya kepada golongan muda. Program Intergenerasi yang dicadangkan ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sosial dan akademik pelajar tetapi juga dapat memenuhi keperluan *generativity* warga emas (Parisi *et al.*, 2009). Program ini boleh dianggap sebagai aktiviti untuk meningkatkan kerjasama, interaksi atau perkongsian antara dua generasi. Ini melibatkan usaha perkongsian kemahiran, pengetahuan dan pengalaman antara dua pihak (Dunham & Casadonte, 2009; Powers *et al.*, 2013). Sehingga waktu ini, tiada lagi kajian dilakukan untuk menilai pendapat pelajar terhadap Program Intergenerasi. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah dirangka untuk mengetahui pendapat pelajar terhadap pelaksanaan program tersebut.

2. Sorotan Literatur

Program Intergenerasi telah bermula pada tahun 1963 di Amerika Syarikat apabila *Foster Grandparents Program* telah dijalankan untuk memberi didikan dan tutorial kepada kanak-kanak yang mengalami masalah emosi dan pendidikan (Larkin & Newman,

1997). Sehingga ke hari ini, banyak penyelidikan mengenai Program Intergenerasi telah dijalankan. Program Intergenerasi dilihat dapat meningkatkan kepuasan pelajar terhadap hidup mereka, memajukan tingkah laku sosial mereka (Thompson & Weaver, 2016), serta menjauhkan mereka dari kenakalan remaja (Whitten *et al.*, 2017). Selain itu, Program Intergenerasi juga memberikan impak yang positif dalam meningkatkan kesedaran golongan muda terhadap keperluan orang tua dengan membantu mereka mengatasi stereotaip yang berkaitan dengan usia (Santini *et al.*, 2018; Ngu, 2016) serta menggalakkan sikap positif pelajar terhadap warga emas (Santini *et al.*, 2018). Malah, remaja juga dapat mengubah persepsi mereka terhadap orang dewasa yang lebih tua, memperoleh kebijaksanaan dari pengalaman warga emas dan lebih memahami nilai hidup mereka sendiri (Ngu, 2016).

3. Metodologi

Untuk kajian ini, pengkaji telah mengadakan satu Program Intergenerasi selama dua jam dalam seminggu untuk tempoh empat minggu di sebuah sekolah di negeri Selangor. Pengkaji kemudian telah menjalankan pra dan pasca temu bual terhadap sepuluh orang pelajar tingkatan dua yang dipilih secara rawak bersama-sama dengan enam orang warga emas. Ini bertujuan untuk menilai pandangan pelajar tentang pelaksanaan Program Intergenerasi di sekolah tersebut. Soalan temubual telah disediakan oleh penyelidik dan disahkan oleh tiga orang pakar untuk melihat kesesuaian soalan.

3.1 Pelaksanaan penilaian Program Intergenerasi

Jadual 2 menunjukkan tentatif bagi Program Intergenerasi yang melibatkan warga emas dan para pelajar.

Jadual 2. Tentatif Program Intergenerasi

| Minggu | Aktiviti Pembelajaran | Isi Kandungan | Tempoh Masa |
|----------|---|--|-------------|
| Minggu 1 | Pra temu bual dengan para pelajar dan warga emas, Taklimat Sesi, Aktiviti Berkenalan, Aktiviti Intergenerasi. | Penerangan tentang jadual pelaksanaan dan temu bual, Permainan kad, Aktiviti membuat anyaman tapak bakul kertas. | 2 jam |
| Minggu 2 | Taklimat Sesi, Aktiviti Berkenalan, Aktiviti Intergenerasi. | Permainan kad, Aktiviti membuat anyaman tangkai bakul kertas. | 2 jam |
| Minggu 3 | Taklimat Sesi, Aktiviti Berkenalan, Aktiviti Intergenerasi. | Permainan kad, Pelajar mengajar warga emas cara membuka akaun <i>email</i> . | 2 jam |
| Minggu 4 | Taklimat Sesi, Aktiviti Berkenalan, Aktiviti Intergenerasi, Pasca temu bual dengan warga emas dan para pelajar. | Permainan kad, Pelajar mengajar warga emas kemahiran untuk mengakses laman <i>YouTube</i> dan <i>Facebook</i> . | 2 jam |

4. Dapatan Kajian

Berikut merupakan pandangan para pelajar terhadap aktiviti, lokasi, masa serta persepsi terhadap warga emas sebelum Program Intergenerasi diadakan:

4.1 Analisis aspek: Aktiviti Intergenerasi

Berdasarkan temubual, pelajar memaklumkan bahawa mereka tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti intergenerasi. Mereka tidak mempunyai pengalaman untuk berinteraksi dengan warga emas. Dari segi aspek aktiviti program, mereka berpendapat bahawa aktiviti program perlu terdiri daripada aktiviti kemahiran, aktiviti permainan dan riadah serta aktiviti kemahiran teknologi seperti berikut:

- **RP1:** Saya rasa aktiviti intergenerasi kena ada aktiviti memasak. minum teh dan melakukan aktiviti yang disuka bersama-sama. (L12-13: Responden 1)
- **RP5:** Saya rasa, aktiviti intergenerasi ini kena tanya warga emas dulu, apakah kemahiran yang ada pada mereka. Kalau boleh, perlu adalah masukkan aktiviti seperti memasak, kemahiran kraftangan, aktiviti sukan tradisional dan riadah dan sebagainya. (L14-17: Responden 5)
- **RL7:** Saya rasa aktiviti intergenerasi ini kena macam ini. Kami ajar warga emas komputer, macam Facebook, tentu bestkan, haha. (L18-19: Responden 7)

4.2 Analisis aspek: Lokasi program

Majoriti pelajar bersetuju bahawa lokasi aktiviti intergenerasi perlulah berdekatan dengan tempat tinggal warga emas itu sendiri. Ini diperjelaskan oleh RP1, RP2, RP3, RP5, RP6, RP7, RP8, RP9 dan RP10. Pelajar cenderung untuk memilih sekolah dan pusat Rukun Tetangga sebagai lokasi untuk aktiviti program. Seorang responden, iaitu RP7 mencadangkan supaya aktiviti memasak diadakan di rumah warga emas itu sendiri.

- **RP1:** Erm, dewan sekolah atau dewan orang ramai saya rasa. Sebab senang bagi saya pergi dan dekat dengan warga emas juga. (L22-23: Responden 1)
- **RP2:** Saya rasa sekolah juga kerana senang kami pergi dan sekolah ada kemudahan yang sedia ada. (L24-25: Responden 2)
- **RP4:** Betul ya, saya sokong buat kat sekolah, senang untuk urus. Sekolah kami ada naungan nur, boleh pakai. (L26-27: Responden 4)
- **RL6:** Boleh buat di surau sekolah, ada air-cond, kantin pun boleh pakai tapi panas. (L28: Responden 6)

- **RL7:** Saya rasa, kalau aktiviti memasak, elok buat di rumah warga emas senang kerana ada dapur dan warga emas tak perlu datang, kami datang ke rumah mereka. (L29-30: Responden 7)

4.3 Analisis aspek: Tempoh masa

Sebahagian besar pelajar berpendapat bahawa tempoh masa yang sesuai untuk aktiviti intergenerasi adalah bergantung kepada jenis aktiviti yang dilakukan. Walau bagaimanapun, pelajar RP1, RP2, RP4, RP9 dan RP10 mencadangkan supaya tempoh masa aktiviti intergenerasi adalah tidak melebihi 3 jam kerana kekangan masa mereka di sekolah. Majoriti responden cenderung untuk memilih tempoh masa antara 2 hingga 3 jam. Seorang responden, iaitu R3 mencadangkan supaya tempoh aktiviti intergenerasi ini dikurangkan kepada 1 jam sahaja kerana kita juga perlu mengambil kira faktor kesihatan warga emas tersebut.

- **RP1:** Saya rasa 2-3 jam cukuplah. Tak boleh lama sangat, kami ada tuisyen nak pergi. (L32: Responden 1)
- **RP2:** Yalah, kalau satu jam, tak cukup, bergantung kepada jenis aktiviti nak buat. (L33: Responden 2)
- **RP4:** Tak boleh lama. Kami pun penat, warga emas lagilah. (L34: Responden 4)
- **RL9:** Elok buat 2-3 jam, satu jam tak cukup untuk buat aktivitilah (L35: Responden 9)
- **RL10:** Saya rasa aktiviti macam ini tak boleh buat lama sangat, 2-3 jam cukup. (L36: Responden 10)
- **RP3:** Elok buat 1 jam cukup, penat bagi warga emas ini. Mereka kan dah tua dan uzur. Tak boleh tahan badan mereka. Kesian jer. (L37-38: Responden 3)

4.4 Analisis aspek: Persepsi pelajar terhadap warga emas

Temu bual terhadap sepuluh orang pelajar mendedahkan persepsi mereka terhadap warga emas. Secara umumnya, pelajar perempuan mempunyai persepsi yang positif terhadap warga emas. Ini dapat dilihat melalui pernyataan berikut:

- **RP1:** Warga emas lucu. (L40: Responden 1)
- **RP2:** Warga emas menyeronokkan untuk bersama-sama. (L41: Responden 2)
- **RP3:** Warga emas baik hati. (L42: Responden 3)
- **RP4:** Warga emas tahu banyak perkara, warga emas bijak, warga emas berada di

sana untuk membantu kami. (L43-44: Responden 4)

- **RP5:** Warga emas adalah mudah untuk berinteraksi. Warga emas seorang yang berpengalaman. (L45-46: Responden 5)

Pelajar lelaki pula diperhatikan mempunyai persepsi negatif terhadap warga emas. Antara pernyataan mereka adalah:

- **RL6:** Warga emas suka bertegur dan saya tak suka atuk saya. (L47: Responden 6)
- **RL7:** Warga emas degil dan cerewet, suka berulang benda yang sama, saya tak suka mereka. (L48-49: Responden 7:)
- **RL8:** Warga emas macam kanak-kanak, tak suka saya. (L50: Responden 8)
- **RL9:** Warga emas suka manja anak-anak. (L51: Responden 9)
- **RL10:** Atuk saya lemah dan uzur, saya tak suka bersama-sama dia. (L52: Responden 7)

Berikut merupakan pandangan para pelajar terhadap aktiviti, lokasi, masa serta persepsi terhadap warga emas selepas Program Intergenerasi diadakan:

4.5 Analisis aspek: Aktiviti Intergenerasi

Berdasarkan temu bual, semua pelajar berpuas hati terhadap aktiviti intergenerasi yang telah dilaksanakan. Aktiviti kemahiran seperti aktiviti menganyam bakul dan aktiviti kelas komputer telah berjaya memenuhi jangkaan pelajar. Berikut adalah pandangan pelajar terhadap aktiviti intergenerasi.

- **RP2:** Emm, aktiviti sesuai. Aktiviti menganyam bakul telah memberi peluang kepada saya untuk belajar kemahiran dengan warga emas. (L7-L8: Responden 2)
- **RP5:** Betul juga. Saya mempunyai peluang mengajar warga emas kemahiran menggunakan internet untuk mencari bahan. (L9-L10: Responden 5)

4.6 Analisis aspek: Lokasi program

Semua pelajar bersependapat bahawa sekolah merupakan lokasi yang sangat sesuai untuk melakukan aktiviti intergenerasi. Walau bagaimanapun, mereka mencadangkan supaya tempat tersebut seharusnya lebih selesa dan kondusif agar para pelajar dan warga emas lebih bersemangat untuk menyertai program tersebut.

- **RP4:** Memang baik aktiviti intergenerasi buat kat sekolah, tapi Naungan Nur kurang selesa. Kipas tak cukup kuat dan warga emas rasa penat di sana. (L13-L14: Responden 4)

- **RL8:** Saya pun rasa begitu. Lokasi sekolah ok, tapi kena buat di tempat ada air-cond dan kemudahan persekitaran kena baik. (L15-L16: Responden 8)

4.7 Analisis aspek: Tempoh masa

Semua pelajar telah sebulat suara bersetuju dengan masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti intergenerasi.

- **RP2:** Memang masa cukup untuk belajar kemahiran anyaman bakul dan kami perlu lebih banyak masa untuk mengajar warga emas internet kerana masalah kekurangan komputer dan masalah kelajuan internet. (L18-L20: Responden 2)
- **RL7:** Ya. Memang masa cukup untuk belajar bakul, tapi kalau boleh lebih banyak masa diperuntukkan untuk kelas internet kerana masalah kelajuan internet. (L21-L22: Responden 7)

4.8 Analisis aspek: Persepsi pelajar terhadap warga emas

Hasil temu bual bersama-sama dengan sepuluh orang pelajar selepas pelaksanaan Program Intergenerasi menunjukkan semua responden mempunyai persepsi positif terhadap warga emas. Berbeza dengan sebelum pelaksanaan program ini, pelajar lelaki telah mula memberikan persepsi positif terhadap warga emas. Ini dapat dilihat melalui pernyataan yang berikut:

- **RP1:** Warga emas senang berinteraksi. (L24: Responden 1)
- **RP2:** Warga emas sangat mesra, saya suka berjumpa dengan mereka. (L25: Responden 2)
- **RP3:** Warga emas sopan dan murah hati. Setiap kali saya menanti untuk bersama-sama mereka untuk sarapam. (L26-L27: Responden 3)
- **RP4:** Warga emas bersemangat untuk belajar cara guna internet. (L28: Responden 4)
- **RP5:** Warga emas adalah mudah untuk berinteraksi. Warga emas seorang yang berpengalaman dan sabar ajar saya cara buat bakul. (L29-L30: Responden 5)
- **RL9:** Warga emas masih kuat dan bersemangat lagi untuk belajar internet. (L31: Responden 9)
- **RL10:** Warga emas macam atuk saya, saya suka bersama-sama dengan dia. (L32: Responden 10).

5. Perbincangan dan Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan pelajar berpuas hati terhadap aktiviti yang dijalankan, lokasi yang dipilih serta masa yang diperuntukkan dalam Program Intergenerasi. Mereka juga mempunyai persepsi positif terhadap warga emas. Dapatan daripada kajian ini seiring dengan sorotan

kajian bahawa Program Intergenerasi berjaya memupuk persepsi positif para pelajar terhadap warga emas (Ngu, 2016; Robinson *et al.*, 2015; Weaver, 2014).

Dapatan temu bual terhadap pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan Program Intergenerasi dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3. Reaksi pelajar sebelum dan selepas Program Intergenerasi

| Perkara | Sebelum | Selepas |
|---|---|---|
| 1. Aktiviti program | Memasak, kemahiran kraftangan, sukan tradisional, riadah dan kemahiran komputer | Aktiviti menganyam bakul, dan kemahiran menggunakan internet |
| 2. Lokasi | Sekolah, Pusat Rukun Tetangga | Sekolah |
| 3. Tempoh masa | 2 hingga 3 jam | 2 hingga 3 jam |
| 4. Persepsi pelajar terhadap warga emas | Pelajar lelaki mempunyai persepsi negatif terhadap warga emas | Semua pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persepsi positif terhadap warga emas |

Untuk memastikan keberkesanan program ini, penganjur program perlu terlebih dahulu menilai pengetahuan yang sedia ada dalam diri warga emas dan para pelajar sebelum merancang Program Intergenerasi (Gamliel *et al.*, 2007; Ngu *et al.*, 2020). Ini bagi mengelakkan masalah pemilihan peserta program dan juga masalah perancangan aktiviti yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan warga emas dan para pelajar. Penganjur atau pelaksana program perlulah diberi latihan terutama dari aspek psikologi dan sosiologi warga emas dan pelajar. Mereka juga digalakkan untuk melakukan perbincangan dengan warga emas dan para pelajar dalam proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program supaya aktiviti yang dijalankan dapat memenuhi keperluan dan kemahiran mereka.

Semua pihak yang terlibat seperti fasilitator dan guru juga mempunyai kekangan dari segi masa dan logistik untuk mengendalikan Program Intergenerasi. Jika program diadakan di tempat yang jauh, masalah pengangkutan dan masalah logistik yang lain berkemungkinan akan berlaku. Kurangnya penglibatan daripada pihak sekolah, guru dan juga moderator yang berpengalaman untuk mengendalikan aktiviti intergenerasi merupakan salah satu halangan kepada keberkesanan pelaksanaan Program Intergenerasi. Oleh sebab itu, lokasi dan masa merupakan antara aspek yang perlu dititikberatkan sebelum memulakan program. Ini bagi memastikan program yang dijalankan dapat memberikan hasil terbaik.

6. Kesimpulan

Menyedari peri pentingnya Program Intergenerasi kepada para pelajar dan warga emas, maka pihak pelaksana program harus mengambil kira minat kedua-dua pihak, mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian untuk mereka serta memilih lokasi dan masa yang terbaik bagi menjamin keberkesanan program tersebut.

Rujukan

- Alavi, K. (2012). *Dilema penjagaan ibu bapa tua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chorn Dunham, C. & Casadonte, D. (2009). Children's attitudes and classroom interaction in an intergenerational education program. *Educational Gerontology*, 35(5), 453–464.
- Ezrol, T. (2012). *Intergenerational program participation: A case study*. [Master's thesis, San Francisco, State University]. ProQuest Dissertation and Theses Global.
- Gamliel, T., Reichental, Y. & Ayal, N. (2007). Intergenerational educational encounters: part I: a model of knowledge. *Educational Gerontology*, 33(1), 1–22.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Unjuran penduduk*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Larkin, E., & Newman, S. (1997). Intergenerational studies: A multi-disciplinary field. In K. Brabazon & R. Disch (Eds.), *Intergenerational approaches in aging: Implications for education, policy and practice*. New York, NY: Haworth Press.
- Ngu, K.S. (2016). *Pembangunan Modul Kurikulum Intergenerasi Berasaskan Perkongsian Kemahiran*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ngu, K.S, Siraj, S. & Alias, N. (2020). *Program Intergenerasi untuk Kesejahteraan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Parisi, J. M., Rebok, G. W., Carlson, M. C., Fried, L. P., Seeman, T. E., Tan, E. J. & Piferi, R. L. (2009). Can the wisdom of aging be activated and make a difference societally? *Educational Gerontology*, 35(10), 867–879.
- Powers, M., Gray, M. & Garver, K. (2013). Attitudes toward older adults: Results from a fitness-based intergenerational learning experience. *Journal of Intergenerational Relationships*, 11(1), 50–61.
- Robinson, T., Zurcher, J. & Callahan, C. (2015). Youthful ideals of older adults: an analysis of

- children's drawings. *Educational Gerontology*, 41(6), 440–450.
- Santini, S., Tombolesi, V., Baschiera, B. & Lamura, G. (2018). Intergenerational programs involving adolescents, institutionalized elderly, and older volunteers: results from a pilot research-action in Italy. *BioMed Research International*, 2018(1), 1-14.
- Thompson, E. H. & Weaver, A. J. (2016). Making connections: the legacy of an intergenerational program. *Gerontologist*, 56, 909–918.
- Weaver, A. (2014). Bridges: growing older, growing together. *Journal of Intergenerational Relationships*, 12(2), 197–201.

Citation

- Ngu, K. S., Siraj, S., & Alias, N. (2020). Pandangan Pelajar terhadap Program Intergenerasi untuk Warga Emas. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(2), 19-24. <https://doi.org/10.37134/esss.vol.1.2.3.2020>